



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
SEKOLAH SENI MALAYSIA**

**Dokumen Penjajaran Kurikulum
LAKONAN
TINGKATAN 4**

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 Novermber 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Pengenalan Teater Bangsawan		<p>1.1.1 Menerangkan teater bangsawan daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) definisi (ii) latar belakang (iii) fungsi (iv) repertoire <p>1.1.4 Menghuraikan ciri-ciri yang terdapat dalam teater bangsawan.</p> <p>1.1.5 Menjelaskan fungsi muzik, tarian dan nyanyian dalam teater bangsawan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) muzik (ii) tarian (iii) nyanyian 	<p>1.1.2 Menghuraikan tokoh teater bangsawan.</p> <p>1.1.3 Menyediakan dan membentangkan biografi ringkas tokoh bangsawan dan sumbangan mereka.</p>

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		<p>1.1.6 Menghuraikan struktur persembahan teater bangsawan.</p> <p>1.1.7 Menghuraikan struktur cerita dalam persembahan teater bangsawan.</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pembukaan (ii) Pengembangan (iii) Penutup <p>1.1.8 Menjelaskan watak dan perwatakan dalam teater bangsawan.</p> <p>1.1.9 Menghuraikan peranan watak-watak dalam teater bangsawan.</p>	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Gaya Lakonan Bangsawan	<p>2.1.1 Melafazkan dialog dan melakukan gaya lakonan bangsawan dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>stylized</i> (ii) ucapan tetap (iii) gerak tetap (iv) letak tubuh (v) lengkok suara (kiok) (vi) improvisasi <p>2.1.2 Melafazkan dialog dan menggayaikan lakonan mengikut situasi yang diberi.</p> <p>2.1.3 Mengimprovisasi watak, aksi dan dialog.</p>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>2.1.4 Mengaplikasikan cara pergerakan, <i>blocking</i> serta gerak isyarat dalam lakonan bangsawan.</p> <p>2.1.5 Melakonkan watak berdasarkan babak yang dipilih daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) watak dan perwatakan(ii) gaya lakonan bangsawan(iii) <i>blocking</i>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.2 Persembahan Bangsawan		<p>2.2.1 Merancang dan membuat latihan persembahan teater bangsawan.</p> <p>2.2.2 Mempersembahkan teater bangsawan berdasarkan babak yang dipilih.</p>	<p>2.2.3 Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti teater bangsawan.</p> <p>(i) sebelum, semasa dan selepas latihan.</p> <p>(ii) sebelum, semasa dan selepas persembahan.</p>

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917